

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

HMT 328 – PSIKOLINGUISTIK

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi LIMA soalan.
2. Soalan 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab.
3. Jawab mana-mana TIGA soalan yang lain daripada Bahagian B.
4. Anda dikehendaki menyerahkan kedua-dua kertas soalan dan jawapan. Kertas soalan dan buku jawapan hendaklah diikat bersama-sama.

Bahagian A

Soalan 1 WAJIB dijawab.

1. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

[a] Huraikan secara ringkas enam persoalan utama dalam psikolinguistik moden.

[8 markah]

[b] Bezakan bahasa daripada pertuturan.

[7 markah]

[c] Huraikan secara ringkas perbezaan antara afasia Broca, Afasia Wernicke dan Anomia dengan menggambarkan tanda-tanda afasia sebagai pantulan fungsi yang tersembunyi kawasan yang rosak.

[10 markah]

Bahagian B

Jawab mana-mana TIGA soalan.

2. Secara ringkas huraikan **masalah ketiadaan kelainan** dalam persepsi pertuturan. Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada **masalah ketiadaan kelainan** ini.

[25 markah]

3. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

[a] Secara ringkas huraikan faktor-faktor yang menentukan pengaksesan perkataan dan kesilapan kecil dalam tulisan atau pertuturan.

[b] Bincangkan ciri-ciri yang mempermudah pengaksesan semula perkataan.

[c] Bincangkan juga faktor-faktor yang memperlahankan dan melemahkan pengaksesan semula perkataan.

[25 markah]

... 3/-

4. Kajian telah menunjukkan bahawa dalam kebanyakan kes, pendengar mengingati kembali makna yang mendasari ayat-ayat, tetapi gagal mengingati perkataan-perkataan sebenar sesuatu ayat.
- [a] Apakah yang diperlihatkan oleh kajian ini mengenai ciri-ciri pemprosesan ayat?
 - [b] Bagaimanakah kecenderungan ini mempengaruhi cara manusia memahami ayat-ayat yang rumit?
 - [c] Adakah kecenderungan dalam [b] mempunyai sebarang implikasi bagi pemprosesan ayat-ayat taksa?

[25 markah]

5. Jawab soalan [a], [b] **dan** [c].

- [a] Bincangkan, dari suatu sudut pandangan sosiolinguistik, faktor-faktor yang berkemungkinan menyukarkan atau mempermudah pembelajaran suatu bahasa kedua.
- [b] Mengapakah sesetengah kelompok berkemungkinan menghadapi kesukaran yang lebih berbanding dengan kelompok yang lain?
- [c] Bandingkan pandangan sosiolinguistik mengenai kesukaran pembelajaran bahasa kedua dengan pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik.

[25 markah]